

Rusakkan sistem perundangan

# Dr. M dedah intelek yang cuba buat khianat

3. M. - 9 GKT 1977

**T**IMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan adanya golongan profesional yang cuba hendak menggagalkan sistem perundangan di negara ini.

Beliau memberi amaran golongan ini tidak berhak membentuk undang-undang di negeri ini.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, golongan ini melakukan perbuatan itu dengan melalui teguran-teguran bertujuan untuk menarik perhatian ramal supaya menyokong pendapat mereka.

Beliau mendedahkan demikian ketika berucap di perayaan UMNO ke 31, anjuran UMNO Cawangan

## PULAU PINANG, Sabtu.

Kampung Dodol di sini petang ini.

Dalam ucapan selama satu jam, Timbalan Perdana Menteri menyebut golongan tersebut telah membawa orang-orang asing memaksa Kerajaan membubarkan undangundang.

Kita menyedari keadaan ini dan kita tidak akan membenarkan perkara ini terus berlaku sama se-

kali, kata beliau.

Beliau menambah, golongan tersebut sebenarnya irihati melihat sistem perundangan negara ini yang berjalan begitu lengkap.

"Saya mencabar mereka yang tidak berpuashati ini supaya menyertai parti politik bertanding dalam pilihanraya dengan parti yang memerintah sekarang."

Terdahulu dari itu, Dato Seri Dr. Mahathir meminta mereka yang cuba menimbulkan masalah rakyat dengan tujuan mencari kesempatan supaya melupakan perkari itu.

Golongan ini, jelas beliau, sentiasa menyanggapi apa yang dilakukan oleh UMNO semuanya tidak mendatangkan faedah langsung kepada rakyat.

Beliau kemudian menyeru ahli-ahli UMNO supaya kuat bersatu kerana UMNO sahajalah satu-satunya parti

yang dapat menyelamatkan sistem demokrasi di negara ini.

Dato Seri Dr. Mahathir juga berkata, sistem kehakiman di negara ini akan hancur jika ia dijadikan issue pertikaian politik.

Beliau memuji para pemimpin yang lalu kerana memiliki sistem demokrasi untuk kesejahteraan rakyat seluruhnya.